

Tujuan Skim Geran Penyelidikan NCRC diwujudkan adalah untuk membantu jabatan ini dalam meningkatkan aktiviti penyelidikan dengan memfokuskan kepada bidang-bidang tujahan NCRC dan seterusnya meningkatkan aktiviti penyelidikan di UUM sejajar hasrat universiti untuk mencapai Universiti Penyelidikan pada tahun 2013.

Geran Penyelidikan NCRC juga merupakan salah satu aktiviti Corporate Social Responsibility (CSR) jabatan ini dalam membantu pensyarah-pensyarah untuk menjalankan kajian dalam tempoh jangka pendek dan dapatan kajian akan dapat membantu orang perseorangan atau agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi merencanakan program-program yang dapat memberi manfaat kepada rakyat terutamanya di kawasan NCER.

Semua penyelidikan yang berjaya ditawarkan geran ini telah memulakan penyelidikan masing-masing mulai 1 Julai 2012 sehingga 2 Februari 2013 iaitu selama lapan (8) bulan. Semua ketua penyelidik akan membentangkan kertas kerja penyelidikan masing-masing dalam Seminar Kebangsaan "Transformasi Sosio-Ekonomi di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) pada 13 dan 14 Disember 2012 nanti.

Habis.

=====

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)

Aras 2, Bangunan Ekonomi, Kolej Perniagaan (UUM COB)
Universiti Utara Malaysia
06010, UUM Sintok, Kedah Darul Aman

Tel : +604-928 3653/ 4661 (Pej. Am)

Faks : +604-928 3647